

# **HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENGETAHUAN PEDAGOGI GURU DENGAN PENCAPAIAN TAJWID AL QURAN PELAJAR DALAM KKQ**

**Jahidih Sali**

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu  
jahidihsali@uitm.edu.my*

**Nurul Hamimi Awang Japilan**

*SMK Pekan Telipok Tuaran, Sabah  
ustazahnurulhamimi@gmail.com*

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan pedagogi guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Lembah Klang. Pelaksanaan kajian ini melibatkan kumpulan responden yang terdiri daripada 43 orang guru dan 134 orang pelajar KKQ. Data responden dipungut dengan menggunakan sebuah instrumen soal selidik yang telah mendapat kesahan kandungan daripada panel rujukan pakar. Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach bagi semua bahagian dalam soal selidik adalah tinggi ( $>0.8$ ). Data kuantitatif soal selidik dianalisis secara inferensi dengan menggunakan IBM SPSSV26 untuk mendapatkan hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan signifikan pada tahap yang rendah antara tahap pedagogi guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar dalam KKQ. Sehubungan itu, pengetahuan ini perlu dikuasai oleh guru KKQ kerana ia merupakan salah satu daripada faktor penentu kepada keberkesanan pengajaran di samping berpengaruh terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran dalam KKQ.

**Kata Kunci:** Pengetahuan pedagogi, PPK, tajwid al-Quran

## **1. Latar Belakang Kajian**

Kewujudan pengajaran tajwid al-Quran sebagai salah satu daripada komponen terpenting dalam KKQ bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pelbagai kaedah pengawalan huruf dan ayat al-Quran mengikut kehendak hukum-hukum tajwid. Para pelajar yang menguasai kemahiran ini akan dapat membaca al-Quran dengan betul mengikut kaedah dan tata cara bacaan yang sepatutnya (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2019). Pelaksanaan pengajaran tajwid al-Quran perlu dilaksanakan dalam bentuk arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi, 2019) memandangkan pelajaran ini wujud dalam bentuk kemahiran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019). Keberkesanan pengajaran bagi pelajaran ini bergantung kepada tahap pengetahuan pedagogi yang dimiliki oleh guru KKQ itu sendiri. Justeru, guru KKQ perlu mempersiapkan diri dengan isi kandungan mata pelajaran yang diajar di samping peka terhadap realiti pelajar serta mahir dalam mengadaptasi suatu bentuk pedagogi sesuai dengan tahap isi kandungan dan keadaan pelajar KKQ (Shulman, 1987).

Pelaksanaan KKQ terus berhadapan dengan pelbagai kelemahan dan kekurangan termasuklah dalam aspek penguasaan pedagogi pengajaran tajwid al-Quran dalam kalangan guru KKQ. Hasil kajian menunjukkan, kelemahan ini tidak terhad ke atas sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) sahaja bahkan turut berlaku ke atas semua sekolah di Malaysia yang mempunyai KKQ (Ruzaimah, Azman & Mohd Hilmi, 2017). Perkara ini sepatutnya tidak berlaku lantaran realiti daripada aspek peranan dan kesan al-Quran begitu penting dalam kehidupan orang Islam. Sistem pengajaran KKQ khususnya dalam pengajaran tajwid al-Quran perlu diperkembangkan untuk meningkatkan penguasaan para pelajar terhadap ilmu-ilmu al-Quran. Sudah pasti, salah satu daripada cara untuk merealisasikan hasrat ini ialah dengan cara meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran.

## **2. Pernyataan Masalah**

Pencapaian akademik dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan tahap pengetahuan pedagogi guru bagi suatu subjek yang diajar termasuk dalam pelajaran tajwid al-Quran. Pernyataan ini disokong

oleh para penyelidik terdahulu umpamanya Mohd Syaubari (2019) dengan pernyataan bahawa, pedagogi mempunyai pengaruh besar dalam memudahkan perkembangan pengetahuan murid bagi suatu mata pelajaran. Sementara itu, Rosnani, Wan Mazwati, Suhailah, Madihah dan Rosemaliza (2018) berpendapat bahawa pengetahuan pedagogi menyumbang kepada keberkesanan pengajaran seterusnya dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap suatu mata pelajaran.

Menjurus ke dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran, didapati bahawa masih terdapat guru KKQ bermasalah dalam aspek pengetahuan isi kandungan dalam pelajaran tersebut (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2019). Hal ini selaras dengan dapatan kajian Azri, Jahidih dan Azmil (2020) yang mendapati bahawa wujud segelintir daripada guru KKQ yang tidak mempunyai kefahaman mendalam mengenai isi pelajaran yang dipersembahkan kepada pelajar. Selain itu, terdapat sebilangan daripada guru KKQ yang tidak melaksanakan pengajaran dalam alur objektif pengajaran KKQ yang sebenar (Azri et al., 2020). Kesannya, objektif yang digariskan dalam setiap pelajaran dalam KKQ termasuk pelajaran tajwid al-Quran tidak tercapai.

Dalam konteks pengetahuan pedagogi pengajaran tajwid al-Quran, Ani (2016) menjelaskan bahawa kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan perlu dipelbagaikan di samping mampu menarik minat pelajar untuk memahami isi kandungan yang disampaikan. Namun begitu, saranan ini ternyata kurang diberikan perhatian berdasarkan dapatan bahawa pendekatan dan kaedah yang diamalkan dalam pengajaran KKQ belum mencapai tahap memuaskan (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi, 2019). Manakala dalam aspek pengetahuan terhadap pelajar, terdapat segelintir daripada guru KKQ melaksanakan pengajaran tanpa melihat perbezaan yang berlaku dalam kalangan pelajar KKQ terutamanya dalam aspek pengetahuan tentang kognitif dan keupayaan pelajar dalam menerima isi pelajaran yang disampaikan. Mereka didapati menyampaikan isi pelajaran yang terlalu tinggi bagi ukuran pelajar di samping mengajarkan isi kandungan yang terlalu banyak dalam satu-satu masa (Azri, Jahidih & Azmil, 2020).

### **3. Objektif Kajian**

Kajian ini secara khusus bertujuan untuk mencapai objektif yang telah digariskan seperti berikut:

- a) Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan pedagogi guru dengan pencapaian kemahiran tajwid al-Quran pelajar dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ).

### **4. Tinjauan Litaratur**

Pengetahuan pedagogi merujuk kepada kebolehan guru dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran dengan berkesan (Esah, 2004). Lazimnya, pemilihan suatu bentuk pedagogi dalam pengajaran adalah berdasarkan kepada kefahaman guru mengenai isi kandungan suatu mata pelajaran dan latar belakang pelajar yang diajar (Nor Aishah & Yap, 2002). Penguasaan terhadap pengetahuan pedagogi membolehkan seorang guru melaksanakan pengajaran secara sistematik dan terancang bermula daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Pelaksanaan proses pengajaran secara sistematik dan terancang sudah pasti akan memberikan kesan positif terhadap sikap dan minat pelajar terhadap suatu mata pelajaran yang diajar. Hal ini penting kerana, sikap dan minat pelajar merupakan salah satu faktor penentu kepada pencapaian pelajar. Hal ini turut dinyatakan oleh Muhammad Ayisy dan Mohd Ashraf (2019) dengan pernyataan bahawa kesediaan guru dan pendekatan pengajaran yang sesuai mempunyai hubungan kait yang tinggi dengan tahap motivasi pelajar, tahap pencapaian akademik dan persepsi keseluruhan keberkesanan pengajaran.

Dalam konteks pengajaran al-Quran, aplikasi pedagogi dalam pengajaran seharusnya dilaksanakan berdasarkan kepada umur dan latar belakang pelajar (al-Qabisi, 1955 & Ibnu Khaldun, 2000). Guru al-Quran perlu menguasai pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dalam pengajaran al-Quran. Lazimnya, keberkesanan aplikasi pedagogi pada seorang guru bergantung kepada tahap penguasaan mereka terhadap beberapa elemen tersebut. Menurut Ibnu Khaldun (2000), guru perlu memastikan setiap isi pelajaran dan masalah yang berlaku semasa proses pengajaran diselesaikan terlebih dahulu sebelum berpindah kepada tajuk lain. Aplikasi konsep pengajaran ini dalam pengajaran

al-Quran adalah untuk memastikan para pelajar dapat menguasai isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.

Dalam aspek penyampaian guru, Ibnu Khaldun (2000) menekankan penyampaian secara berulang-ulang. Menurut beliau, pelajar pada kebiasaannya tidak mampu memahami isi pelajaran yang disampaikan pada kali pertama. Justeru guru dituntut untuk melakukan penjelasan susulan sehingga pelajar benar-benar faham mengenai isi pelajaran yang disampaikan. Menurut Chia dan Abdul Rahim (2012), efek penyampaian guru secara berkesan terhadap keberkesanan pengajaran adalah sangat besar. Selain meningkatkan kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran yang disampaikan, kebolehan ini turut mengasah bakat guru untuk mengajar secara lebih berkesan dari semasa ke semasa (Chia & Abdul Rahim, 2012).

Selain berkebolehan dalam aspek penyampaian isi pelajaran, guru juga perlu bijak dalam memotivasikan pelajar. Perkaitan antara faktor motivasi dengan pencapaian pelajar dalam bidang akademik bukanlah andaian semata-mata, sebaliknya hal ini sudah terbukti melalui pelbagai kajian terdahulu. Menurut al-Qabisi (1995), motivasi pelajar untuk belajar dapat dibangunkan dengan cara memberi ganjaran yang baik atas pencapaian positif yang dicatat oleh pelajar. Tindakan ini perlu dilakukan dengan kadar yang segera dan tepat pada masa, tidak boleh ditunda sehingga pelajar hilang minat terhadap ganjaran yang diberi (Alhaadi & Norimah, 2019).

Aspek pengetahuan guru berkaitan elemen pengetahuan pedagogi juga perlu mencakupi aspek pengetahuan mengenai pendekatan pengajaran. Pendekatan pengajaran merupakan cerminan mengenai suatu pandangan atau falsafah yang dibentuk bertujuan untuk menyampaikan kefahaman di samping menarik minat pelajar dan memberikan keseronokan dalam belajar (Kamarudin, 1988). Dalam hal ini, Ibnu Khaldun menyarankan guru agar kerap memberikan contoh yang jelas untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai isi pelajaran yang disampaikan. Manakala al-Qabisi (1955) mencadangkan agar guru menekankan kaedah hafalan dalam proses pengajaran. Isi pelajaran bukan dihafal semata-mata akan tetapi perlu diulang dalam sela waktu tertentu agar isi pelajaran tersebut tidak hilang daripada minda pelajar.

Di samping itu, guru juga perlu menguasai kaedah pengajaran kerana ia merupakan pelaksana kepada pendekatan pengajaran yang dipilih dalam suatu pengajaran. Kamarudin (1988) mendefinisikan kaedah pengajaran sebagai sebuah rancangan secara menyeluruh untuk menyampaikan suatu pengetahuan secara teratur tanpa kewujudan pertentangan maklumat dan dijalankan berdasarkan kepada pendekatan pengajaran yang dipilih. Manakala Esah (2004) pula berpendapat bahawa kaedah pengajaran merupakan aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam tiap-tiap langkah itu pula wujud kemahiran dan latihan yang terancang. Dalam aspek kaedah pengajaran, al-Qabisi (1955) amat menekankan kaedah pengajaran secara berkumpulan. Walau bagaimanapun, kaedah ini mudah untuk menyembunyikan kelemahan pelajar. Justeru, beliau turut mencadangkan agar guru mempraktikkan kaedah pengajaran secara individu untuk mengatasi masalah tersebut.


Selain mahir dalam menggunakan pendekatan dan teknik dalam pengajaran, guru juga perlu tahu menggunakan teknik pengajaran yang betul sesuai dengan mata pelajaran yang diajar. Menurut Azman (1998), teknik pengajaran merupakan perihal pengajaran yang berlaku di dalam kelas. Tiap mata pelajaran mempunyai teknik pengajaran yang tersendiri. Hal ini ditegaskan oleh al-Ghazali (1997) bahawa, tidak terdapat teknik tertentu yang sesuai untuk diketengahkan dalam pengajaran sesuai dengan semua mata pelajaran. Sebaliknya, teknik pengajaran adalah berbeza-beza sesuai dengan ciri-ciri mata pelajaran itu sendiri. Umpamanya, dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran, teknik pengajaran secara demonstrasi lebih sesuai digunakan kerana pelajaran ini bersifat kemahiran (Rohizani, Shahabudin, Mohd Zohir, 2005). Teknik pengajaran yang sesuai dengan ciri-ciri mata pelajaran menjadikan pelajar lebih mudah faham mengenai isi mata pelajaran yang disampaikan (Fathiyah, Nor Hayati, Azimi, & Lukman, 2013).

## **5. Kerangka Konseptual Kajian**

Kajian ini menggunakan teori pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) yang telah dikemukakan oleh Shulman (1986), Ibnu Khaldun (2000) dan al-Qabisi (1955). Teori daripada ketiga-tiga tokoh tersebut dipilih kerana Shulman (1986) merupakan pengasas kepada teori PPK sedangkan teori pengajaran yang telah dikemukakan oleh al-Qabisi (1955) lebih menjurus kepada model

pengajaran al-Quran (Azmil, 2010 & Ghazali, 2001). Sementara bagi Ibnu Khaldun (2000), selain daripada mengutarakan perbincangan mengenai pengajaran al-Quran, beliau banyak melakukan perbincangan mengenai isu-isu pendidikan termasuk komponen-komponen pengetahuan guru yang menjurus kepada elemen-elemen PPK seperti pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap pelajar dan pengetahuan kurikulum (Ghazali, 2001).

Merujuk kepada rajah 1, pengetahuan pedagogi merupakan kebolehan guru dalam menyampaikan pengajaran secara berkesan (Shulman, 1986). Justeru, guru perlu meningkatkan kemahiran diri dalam mengaplikasikan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik bersesuaian dengan pelaksanaan pengajaran bagi suatu mata pelajaran (Wiseman et al., 1999). Pelaksanaan pengajaran pula perlu dilaksanakan secara beransur-ansur agar isi pelajaran yang disampaikan mudah difahami dan diterima oleh pelajar (al-Qabisi, 1955).



**Rajah 1.** Kerangka Konseptual Kajian Pengetahuan Pedagogi Guru KKQ Dalam Pengajaran Tajwid al-Quran

## 6. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi yang dilaksanakan dalam bentuk kuantitatif. Reka bentuk kajian ini sesuai digunakan untuk menjelaskan suatu fenomena yang sedang berlaku dalam bidang yang belum dikaji (Mohd. Majid, 2005). Tambahan pula, pelaksanaan kajian dengan menggunakan reka bentuk kajian ini memiliki kesahan kajian yang sangat tinggi (Neuman, 2003). Reka bentuk kajian ini sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian ini kerana ia menepati objektif kajian yang digariskan, iaitu untuk mengenal pasti impak pengetahuan kurikulum guru terhadap pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Data kuantitatif dalam kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah tinjauan sesuai dilaksanakan ke atas 43 orang guru KKQ. Data soal selidik diperoleh dengan mengedarkan soal selidik yang dibina kepada guru dan pelajar KKQ. Kumpulan responden dikumpul terlebih dahulu untuk diberikan penjelasan ringkas mengenai tujuan dan cara-cara menjawab soal selidik dengan betul. Seterusnya, kumpulan responden ini dikehendaki menjawab soal selidik dalam jangka waktu yang fleksibel. Kemudian soal selidik daripada responden dipungut setelah selesai dalam menjawab soal selidik yang disediakan.

Populasi bagi kumpulan responden guru terdiri daripada 30 orang guru KKQ di 30 buah sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) di sekitar Lembah Klang. Manakala populasi bagi kumpulan responden pelajar terdiri daripada 180 orang pelajar KKQ tingkatan 4 di 6 buah sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Para pelajar tingkatan empat dipilih sebagai responden kajian kerana mereka dianggap telah memiliki pengalaman yang cukup dalam proses PdP tajwid al-

Quran di samping tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Populasi kumpulan responden guru bagi lokasi kajian utama, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 18 orang guru KKQ daripada 17 buah Kelas Aliran Agama (KAA). Saiz populasi ini tidak memenuhi andaian taburan normal bagi penyelidikan kuantitatif yang memerlukan saiz sampel sebanyak 30 orang sampel atau lebih. Justeru, saiz populasi ditambah dengan melibatkan beberapa sekolah Kelas Aliran Agama (KAA) di sekitar Lembah Klang meliputi daerah Hulu Langat, Gombak, Petaling, dan Klang.

Teknik persampelan yang digunakan bagi lokasi kajian utama ialah teknik persampelan seluruh populasi, iaitu melibatkan keseluruhan ahli dalam sebuah populasi (Mohd Najib, 1999). Ini bermakna, sampel kajian bagi lokasi kajian utama adalah seramai 18 orang guru KKQ. Manakala sampel bagi lokasi kajian yang terlibat di sekitar lembah Klang ditentukan dengan menggunakan rawak berkelompok (*Cluster Sampling*). Teknik persampelan ini tidak menggunakan teknik persampelan secara langsung kepada ahli dalam sebuah populasi sebaliknya menjadikan lokasi atau institusi di mana sampel berada sebagai kelompok (Othman, 2013). Bilangan saiz sampel pelajar pula ditentukan berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Menurut kaedah persampelan Krejcie dan Morgan (1970), populasi kajian sebanyak 180 diwakili oleh bilangan sampel sebanyak 123. Hal ini bermakna, saiz sampel bagi 180 orang pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 123 orang pelajar. Untuk mengelakkan ralat seperti soal selidik yang tidak sempurna atau tidak dikembalikan, pengkaji menetapkan saiz sampel bagi pelajar yang terlibat dalam kajian ini seramai 150 orang pelajar, manakala saiz sampel bagi guru adalah seramai 50 orang guru. Berdasarkan teknik persampelan seluruh populasi, teknik persampelan rawak berkelompok (*Cluster Sampling*) dan persampelan Krejcie dan Morgan (1970) di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan sampel guru dalam kajian ini berjumlah 43 orang guru dan 134 orang pelajar KKQ.

Kesahan kandungan instrumen soal selidik ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar yang terdiri daripada empat individu pakar dalam bidang pendidikan Islam, bidang pendidikan al-Quran dan bidang penyelidikan untuk memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan dalaman item-item yang digunakan dalam instrumen. Dalam konteks kajian ini, nilai ketekalan dalaman bagi setiap item instrumen diperoleh dengan menggunakan nilai pekali alfa *koeffisien Cronbach*. Hasil analisis menunjukkan, kesemua instrumen dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi ( $>0.80$ ). Justeru instrumen-instrumen ini boleh digunakan dalam kajian sebenar. Analisis data kuantitatif dalam kajian ini dilaksanakan secara inferensi dengan menggunakan IBM SPSS V26.

Analisis statistik inferensi digunakan untuk mendapatkan inferens daripada statistik suatu sampel bagi seluruh populasi. Dalam konteks kajian ini, analisis inferensi dilaksanakan dengan menggunakan prosedur *Bivariate Correlatons* berasaskan model korelasi *Spearman (r)* untuk mengukur korelasi kesemua pemboleh ubah yang terlibat.

**Jadual 1:** Nilai Pekali Korelasi

Nilai Pekali Korelasi (r)	Interpretasi
1.00	Sempurna
0.70-0.99	Sangat Tinggi
0.50-0.69	Kukuh
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Rendah
0.01-0.09	Boleh Diabaikan

Sumber: Davies (1971)

## 7. Analisis Kajian

Jadual 2 merupakan paparan hasil analisis korelasi *Spearman (r)* antara tahap pengetahuan pedagogi guru dengan pencapaian kemahiran tajwid al-Quran pelajar dalam KKQ. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang rendah antara enam elemen pengetahuan pedagogi guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ. Elemen pengetahuan pedagogi guru KKQ dengan korelasi paling tinggi ialah elemen pendekatan pengajaran ( $r=0.294$ ,  $p<0.05$ ) kemudian diikuti oleh elemen kaedah pengajaran ( $r=0.273$ ,  $p<0.05$ ). Seterusnya ialah elemen teknik pengajaran ( $r=0.271$ ,  $p<0.05$ ), elemen pengajaran bertahap ( $r=0.267$ ,  $p<0.05$ ), elemen penyampaian guru ( $r=0.258$ ,  $p<0.05$ ) dan elemen dengan nilai korelasi paling rendah ialah elemen memotivasikan pelajar ( $r=0.208$ ,  $p<0.05$ ).



**Jadual 2:** Korelasi Antara Pengetahuan Pedagogi dan Pencapaian Tajwid al-Quran Pelajar KKQ

Nilai Pekali Korelasi (r)	r	Sig. P
Penyampaian guru * Pencapaian pelajar	0.258	0.004
Pengajaran bertahap * Pencapaian pelajar	0.267	0.002
Memotivasikan pelajar * Pencapaian pelajar	0.208	0.005
Pendekatan pengajaran * Pencapaian pelajar	0.294	0.000
Kaedah pengajaran * Pencapaian pelajar	0.273	0.001
Teknik pengajaran * Pencapaian pelajar	0.271	0.001
<b>PPK (Keseluruhan) * Pencapaian pelajar</b>	<b>0.289</b>	<b>0.001</b>

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.05$  (2-tailed)

N=134

## 8. Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati wujud hubungan antara tahap pengetahuan pedagogi guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar dalam KKQ. Setiap daripada elemen pengetahuan pedagogi guru KKQ yang terdiri daripada elemen penyampaian guru, pengajaran bertahap, memotivasikan pelajar, pendekatan pengajaran, kaedah pengajaran dan teknik pengajaran menunjukkan nilai hubungan signifikan pada tahap yang rendah. Rincian dapatan kajian bagi setiap elemen PPK mendapati, terdapat hubungan signifikan pada tahap rendah antara elemen penyampaian guru dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Walau bagaimanapun, elemen ini tidak boleh diketepikan oleh guru, sebaliknya perlu ditingkatkan terutama dalam aspek penyampaian secara berulang. Lazimnya, pelajar tidak mampu memahami isi pelajaran yang disampaikan pada kali pertama. Justeru guru perlu melakukan penjelasan susulan sehingga pelajar benar-benar faham mengenai isi pelajaran yang disampaikan (Ibnu Khaldun, 2000).

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang rendah antara elemen pengajaran bertahap dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Dapatan ini secara tidak langsung menjelaskan perkaitan yang rendah antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Namun, elemen ini sewajarnya diberikan perhatian kerana berkaitan dengan keberkesanan pelajar dalam menerima ilmu yang disampaikan oleh guru. Proses PdP perlu dilaksanakan secara berperingkat, mendahulukan perkara yang lebih penting daripada yang penting serta disampaikan secara satu persatu (Abdul Fattah, 2011).

Dapatan kajian terhadap hubungan antara elemen memotivasikan pelajar dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar turut menghasilkan korelasi yang rendah. Dapatan ini menggambarkan bahawa elemen memotivasikan pelajar tidak mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Walau bagaimanapun, pengetahuan ini tidak boleh dipandang remeh dan perlu diamalkan dalam proses PdP. Menurut al-Qabisi (1995), motivasi pelajar untuk belajar dapat dibangunkan dengan cara memberi ganjaran yang baik atas pencapaian positif yang dicatat oleh pelajar. Tindakan ini perlu dilakukan dengan kadar yang segera dan tepat pada masa, tidak boleh ditunda sehingga pelajar hilang minat terhadap ganjaran yang diberi (Mohamad Mohsin & Nasruddin, 2008).

Tinjauan terhadap dapatan kajian mengenai hubungan antara pendekatan pengajaran dengan pencapaian tajwid al-Quran pula mendapati, hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah signifikan akan tetapi berada pada tahap rendah. Seperti elemen yang lain, dapatan ini turut menggambarkan bahawa elemen penekatan penagajaran juga tidak memberikan impak yang besar terhadap pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ. Sungguhpun begitu, guru KKQ perlu menguasai pengetahuan ini kerana pendekatan pengajaran merupakan cerminan mengenai suatu pandangan atau falsafah yang dibentuk bertujuan untuk menyampaikan kefahaman di samping menarik minat pelajar dan memberikan keseronokan dalam belajar (Kamarudin, 1988). Dalam hal ini, Ibnu Khaldun (2000) menyarankan guru agar kerap memberikan contoh yang jelas untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai isi pelajaran yang disampaikan.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang rendah antara elemen kaedah pengajaran dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar. Walau bagaimanapun, elemen ini perlu diberikan perhatian kerana merupakan pelaksana kepada pendekatan pengajaran yang dipilih dalam suatu pengajaran. Kamarudin (1988) mendefinisikan kaedah pengajaran sebagai sebuah rancangan secara menyeluruh untuk menyampaikan suatu pengetahuan secara teratur tanpa kewujudan pertentangan maklumat dan dijalankan berdasarkan kepada pendekatan pengajaran yang dipilih.

Manakala Esah (2004) pula berpendapat bahawa kaedah pengajaran merupakan aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam tiap-tiap langkah itu pula wujud kemahiran dan latihan yang terancang.

Dapatan kajian bagi elemen terakhir pula menunjukkan, wujud hubungan signifikan pada tahap rendah antara elemen teknik pengajaran dengan pencapaian tajwid al-Quran pelajar sekali gus menunjukkan bahawa kemahiran al-Quran guru tidak mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ. Dapatan ini bukan bermaksud guru boleh mengabaikan elemen ini sebaliknya perlu dikuasai kerana tiap mata pelajaran mempunyai teknik pengajaran yang tersendiri. Hal ini ditegaskan oleh al-Ghazali (1997) bahawa, tidak terdapat teknik tertentu yang sesuai untuk diketengahkan dalam pengajaran sesuai dengan semua mata pelajaran. Sebaliknya, teknik pengajaran adalah berbeza-beza sesuai dengan ciri-ciri mata pelajaran itu sendiri.

## **9. Implikasi Kajian**

Merujuk kepada perbincangan kajian di atas, didapati bahawa tahap pengetahuan pedagogi mempunyai pengaruh signifikan pada tahap yang rendah terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran dalam kelas KKQ. Tinjauan terhadap tahap hubungan bagi setiap elemen PPK iaitu penyampaian guru, pengajaran bertahap, memotivasikan pelajar, pendekatan pengajaran, kaedah pengajaran, teknik pengajaran menunjukkan tidak terdapat satu daripada elemen tersebut menunjukkan tahap hubungan pada tahap tinggi atau sederhana tinggi. Dapatan kajian dalam konteks turutan tahap hubungan bagi setiap elemen pengetahuan pedagogi memberi kefahaman bahawa elemen pendekatan pengajaran dan kaedah pengajaran mempunyai pengaruh terbesar terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran jika dibandingkan dengan elemen pengetahuan pedagogi yang lain. Justeru, kedua-dua elemen ini perlu diberikan penekanan khusus oleh guru untuk memastikan pelajar KKQ beroleh pencapaian yang memuaskan dalam pelajaran tajwid al-Quran.

Perbandingan bagi turutan tahap PPK bagi keenam-enam elemen pengetahuan pedagogi dalam kajian ini mendapati elemen memotivasikan pelajar berada pada turutan paling bawah. Dapatan kajian ini memberi kefahaman bahawa, aspek memotivasikan pelajar tidak berpengaruh secara kritikal terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran tajwid al-Quran. Guru KKQ tidak semestinya perlu memotivasikan pelajar kerana lazimnya pelajar dalam KKQ merupakan pelajar terpilih dalam aspek kecemerlangan akademik dan sahsiah. Di samping mempunyai sifat berdikari yang tinggi untuk meningkatkan penguasaan terhadap pelajaran dan kemahiran insaniah.

## **10. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan pedagogi guru berpengaruh terhadap pencapaian tajwid al-Quran dalam kelas KKQ. Justeru, wajar sekiranya pihak berwajib dapat mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi guru KKQ dari semasa ke semasa. Bagi pihak guru KKQ pula, mereka perlu memberikan sambutan dan komitmen sepenuhnya terhadap kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak atasan disamping berinisiatif sendiri dengan mengambil langkah bersesuaian untuk meningkatkan tahap pengetahuan pedagogi masing-masing dalam pengajaran tajwid al-Quran.

## **Rujukan**

- Abdul Fattah, As Syeikh Abdul Fattah (2011). *Nabi muhammad guru dan pendidik terulung*. Terj. Hj. Shuhadak Mahmud. M Khari Enterprise.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *Ihya Ulum al-Din*. Maktabah Misr.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(3), 23 – 30.
- Al-Qabisi. Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Ar-Risalah al-Mufassolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam al-mua'allimin wal muta'alimin*. Dar Ehya' al-Kutub alArabiyyah.

- Ani Omar. (2016). Integrasi Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Mempertingkatkan Keyakinan dan Keberhasilan Guru Semasa Latihan Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9, 13-25.
- Azman Ali. (1998). Pendidikan Malaysia: Acuan Melahirkan Pensyarah Bestari. *Jurnal Pendidikan*, 17, 89-95.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN)*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azri Kifli, Jahidih Sali & Azmil Hashim. (2020). Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar dalam Bidang Qiraat. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(2), 24-33.
- Chia, L. L. & Abdul Rahim Hamdan. (2012, Oktober 7-9). *Pengajaran efektif dan kerangka untuk pengajaran*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Majlis Dekan IPTA (MEDC), Johor Bahru.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, & Lukman Abd. Mutalib. (2013). Pemahaman dan pengalaman guru pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *Online Jurnal Of Islamic Education*, 1(1), 1-16.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. (2019). Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(1), 8-17.
- Ibnu Khaldun. (2000). *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, KPM. (2019). *Kurikulum kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran*. Putrajaya. Bahagian Kurikulum Pendidikan dan Moral.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Longman (M).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2019). *Kurikulum Kelas Khas Kemahiran al-Quran, Tingkatan satu, dua dan tiga*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W.. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608-619.
- Mohamad Mohsin Mohamad Said, & Nasruddin Yunos. (2008). Peranan guru dalam membentuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 9, 57- 71.
- Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Syaubari bin Othman. (2019). Kepentingan Pelaksanaan Pedagogi Pendidikan Islam Melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dapat Memenuhi Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 1, 58-69.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah Ipg Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(5), 32-42.
- Neuman, W.L. (2003). *Social Research theory methods: Qualitative and quantitative* (Edisi Ke-5). Pearson Education Inc.
- Nor Aishah Buang, & Yap Poh Moi. (2002). Kesediaan Guru-Guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran dan Sikap Terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 37(E), 1-16.
- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis penyelidikan dan statistik*. UPM Press.
- Rohizani & Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad. (2005). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussien, Madihah Khalid & Rosemaliza Kamalludeen. (2018). Aplikasi Pedagogi Hikmah Bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad Ke-21 (The Application of The Hikmah (Wisdom) Pedagogy In The Teaching Of Malay and English Language In The 21st Century). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 37-47.



- Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah. (2017). Permasalahan dalam Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) di Daerah Pendang Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(6), 70-82.
- Shulman, L.S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4-14.
- Shulman, L.S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57, 1-22.
- Wiseman, D. L., Cooner, D. D. & Knight, S. L. (1999). *Becoming a teacher in a field based setting: An introduction to education and classrooms*. Wadsworth Publishing Company.